



TEKS UCAPAN

YANG MULIA AWANG HAJI ADNAN BIN HAJI ADAM
PEMANGKU PEGAWAI DAERAH TUTONG

SEMASA

PERTANDINGAN MENGHAFAZ SURAH-SURAH PILIHAN
BESERTA PEMAHAMAN SEMPENA SELURUH NEGARA
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-70
PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN TAHUN 2016M

PADA

ISNIN, 24 ZULHIJJAH 1437 BERSAMAAN 26 SEPTEMBER 2016

JAM

2.15 PETANG

BERTEMPAT DI

DEWAN UTAMA, KOMPLEKS DEWAN KEMASYARAKATAN TUTONG

(F) - UCAPAN

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Tetamu Kehormat Majlis.

Yang Mulia, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Yusof, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Mulia, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali,

Yang Mulia, Awang Mohd. Sunadi bin Haji Buntar,
Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia, Awang Roslan bin Haji Taja'ah, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Yang Mulia, Awang Haji Azmi bin Haji Abd Rahim,Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri dan

Yang Mulia, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz, Penghulu Mukim Ukong selaku Pengurus Bersama Majlis,

Yang Mulia, Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung, peserta-peserta pertandingan serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallalahu 'Alaihi Wassalam, keluarga dan sahabat-sahabat serta juga pengikut-pengikut Baginda yang sentiasa taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita memanjatkan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan nikmat yang dikurniakan-Nya kepada kita serta dengan izin-Nya juga kita dapat berhimpun menghadiri Pertandingan Menghafaz Surah-Surah Pilihan Beserta Pemahaman Bagi Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Seluruh Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke 70, Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2016.

Terlebih dahulu Kaola bagi mewakili Jawatankuasa Majlis dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri diatas kesudian hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ini.

Yang Berhormat Pehin serta Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Pertandingan Menghafaz Surah-Surah Pilihan beserta Pemahaman ini adalah salah satu daripada majlis utama yang diadakan di seluruh daerah Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70, Tahun 2016M.

Acara pertandingan ini antara lain diadakan bertujuan bagi mendokong hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan menanam rasa cinta kepada Al Quran disamping menjadikan membaca Al Quran itu sebagai amalan harian serta memahami isi dan tafsiran yang terkandung di dalamnya.

Selain itu, pertandingan ini juga dapat memberikan kesempatan dan peluang kepada rakyat dan penduduk khususnya kanak-kanak, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid untuk sama-sama terlibat dalam meraikan dan membesarkan hari-hari kebesaran negara.

Pertandingan ini terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang tinggal dan bermastautin di negara ini dan seperitimana di tahun-tahun lalu ianya terbahagi kepada 6 kategori iaitu Kategori Kanak-Kanak Lelaki, Kategori Kanak-Kanak Perempuan, Kategori Remaja Lelaki, Kategori Remaja Perempuan, Kategori Dewasa Lelaki dan Kategori Dewasa Perempuan.

Pertandingan di peringkat Daerah-Daerah telahpun diadakan pada bulan Jun yang lalu dan Johan bagi kategori-kategori berkenaan akan mewakili daerah masing-masing di Peringkat Akhir Kebangsaan.

Hari ini seramai 23 orang peserta mewakili keempat daerah akan bertanding mengikut kategori masing-masing yangmana bagi Kategori Remaja Lelaki, Remaja Perempuan, Dewasa lelaki dan Dewasa Wanita telahpun sempurna diadakan pada sebelah pagi tadi.

Sebentar lagi pertandingan akan diteruskan bagi Kategori Kanak-kanak Lelaki dan Kanak-Kanak Perempuan dan seterusnya acara kemuncak yang dinanti-nantikan iaitu pengumuman keputusan pertandingan dan penyampaian hadiah kepada peserta-peserta pertandingan.

Dalam kesempatan ini Kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang berjaya manakala yang kurang bernasib baik Inshaa Allah akan berpeluang lagi untuk menyertai pertandingan yang sama pada tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Pehin serta Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Buat mengakhiri ucapan ini, sekali lagi Kaola sukacita merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tetamu Kehormat Majlis Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta para jemputan di atas berkesudian hadir di majlis ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada ahli Jawatankuasa Majlis, media massa serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung diatas kerjasama, komitmen, sokongan serta bantuan yang telah diberikan dalam sama-sama menyelaras dan menjayakan majlis ini.

Semoga segala sumbangan tenaga dan buah fikiran yang diberikan serta pengorbanan masa yang dicurahkan akan mendapat balasan dan ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

وبالله توفيق والهدایة والسلام عليکم ورحمة الله وبركاته
Sekian.